

18 FEB 2000

Mahathir-Pelancongan

INDUSTRI PELANCONGAN PERLU ANJUR AKTIVITI BABITKAN KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta pengusaha industri pelancongan tempatan supaya menganjurkan lebih banyak aktiviti pelancongan yang membabitkan kanak-kanak sekolah.

Pada masa ini aktiviti pelancongan yang membabitkan kanak-kanak sekolah amat kurang jika dibandingkan dengan negara lain seperti Jepun.

Beliau berkata, di Jepun, kanak-kanak sekolah sering dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah, destinasi pelancongan serta kedai dan kompleks membeli belah yang terkenal.

"Saya fikir ini adalah satu (bidang) yang boleh ditumpukan oleh pihak Kementerian kerana adalah baik jika anak-anak kita awal-awal lagi dikenalkan dengan negara kita ini kerana negara kita dan segala-gala yang ada dalamnya adalah warisan mereka," katanya semasa berucap merasmikan Festival Pelancongan Melaka 2000 di Persiaran KLCC di sini, malam ini.

Festival Pelancongan Melaka 2000 itu bermula hari ini dan akan berlangsung sehingga 23 Feb depan dengan tarikan pelancongan yang dipamerkan di majlis perasmian itu ialah beca yang dibawa khas dari Melaka, kereta lembu, pertunjukan kebudayaan, seminar dan cabutan bertuah.

Festival itu turut disertai 82 syarikat dan badan seperti Institut Pengajian Seni Malaysia, Akademi Laut Malaysia, Yayasan Melaka, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, perwakilan dari perkampungan Portugis Melaka dan A'Famosa Waterworld.

Dr Mahathir berkata, kanak-kanak Malaysia haruslah dipupuk dengan perasaan kasih sayang terhadap semua warisan negara supaya di kemudian hari mereka akan memelihara dan mengekalkan warisan mereka.

Katanya, antara warisan negara yang bakal diwarisi ialah negara yang aman walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, namun mereka dapat hidup rukun damai antara satu sama lain.

"Jika anak-anak kita awal-awal lagi belajar bagaimana hidup rukun damai antara kaum di Malaysia, maka nescaya negara kita akan terus aman dan akan kekal harmonian kaum seperti yang terdapat sekarang ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri pelancongan yang menjadi penyumbang ketiga hasil tukaran wang asing mempunyai potensi untuk berkembang dan menjadi penyumbang pertama kepada negara.

Katanya, industri pelancongan membolehkan pelancong dan orang asing melihat keadaan sebenar negara ini.

Beliau berkata, gambaran buruk tentang Malaysia oleh media dan syarikat pelancongan asing kononnya negara ini tidak aman dan tidak selamat menyebabkan Malaysia tidak popular sebagai destinasi pelancongan.

Bagaimanapun, katanya, gambaran buruk yang ada di kalangan pelancong dan orang asing berubah apabila mereka menjejakkan kaki di Lapangan Terbang KL (KLIA) dan setelah berada di negara ini.

"Apabila mereka balik ke negara masing-masing, mereka akan menceritakan keadaan sebenar negara ini bahawa ia bukanlah seperti yang digambarkan oleh media asing.

"Pelancong asing menjadi duta kita untuk menceritakan tentang keadaan sebenar negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sering memberitahu pelancong asing bahawa melawat Malaysia dapat menjimatkan perbelanjaan mereka kerana ia seolah-olah melawat tiga negara besar di dunia iaitu Indonesia, China dan

India.

Keunikan dan kepelbagaian yang ada di negara ini adalah seperti yang ada di tiga negara berkenaan kerana orang Melayu, Cina dan India dalam masyarakat majmuk di negara ini, katanya.

Perdana Menteri berkata Melaka dahulunya dikenali sebagai "the sleepy hollow" tetapi kini sudah pesat membangun dan maju.

Beliau berkata melawat Melaka yang kaya dengan warisan sejarah akan dapat meningkatkan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan buku "Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia" dan buku MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran).

Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani tujuh memorandum persefahaman iaitu antara Rivera Bay Resort dan BTT Travel Sdn Bhd, Rivera Bay Resort dan M-Vision Travel Sdn Bhd, Hotel Equatorial dan Alam Mutiara Sdn Bhd, Hotel Straits Meridian dan Sherwood Hotel Group, Hotel Seri Costa dan Trend Travel and Tours, Kolej Yayasan Melaka dan Persatuan Penjaga Jentera Malaysia serta Kolej Utama dan Indiana State University.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam serta Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir turut melawat pameran dan gerai di festival itu.

-- BERNAMA

HS PR